

ROCKERS DAN PALAIAN MEREKA

KENCHANA WATI BINTI MOHD. YUSOF 87145491

DIPLOMA SENILUKIS DAN SENIREKA (FESYEN)

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA

INSPIRUT TEKNOLOGI MARA

1990

## HALAMAN KANDUNGAN.

PENDAHULUAN	i
SENARAI ILLUSTRASI	ii-iii.
SENARAI SISIPAN	iv
SINOPSIS	v
1. APA ITU MUZIK ROCK?	1-8
2. MASYARAKAT ROCK.	9-16
3. ROCKERS DAN PAKAIAN.	17
-1. Rock Cun / Glam.	18
-2. Rock Metal	18-19
-3. Rock Thrash	19
4. MAHKOTA ROCKERS.	20-21
5. KASUT ROCKERS.	22-23
6. AKSESORI ROCKERS.	24-25
Rantai leher.	25-26
Loket.	26-28
Anting-anting / Cubang.	28-29
Rayban.	29-30
Gelang.	30-31
Cincin.	31-32
Sarung tangan.	32
Tali pinggang.	32-33
Bandana.	33-34
Boot Strap.	34

## PENDAHULUAN:

Tesis ini dipilih dan dilakukan atas rasa ingin tahu tentang mereka. Lokasi pilihan adalah di sekitar Lembah Kelang iaitu pemerhatian di Kelang, Kuala Lumpur, Kajang dan Ulu Kelang. Aktiviti kajian termasuklah menemuramah mereka, menyertai aktiviti mereka seperti ke konsert dan 'lepak' hingga terbit matahari di Dataran Merdeka. Tesis ini telah membuka peluang menemui dan berbual dengan artis rock juga dengan krew mereka. Teman-teman baru juga banyak memberi infomasi yang berguna dan logik.

Pakaian adalah bidang dikaji dan bukan mudah hendak menyungkil tujuan berpakaian sedemikian kerana itu sudah kehendak mereka. Namun mereka sudi meluangkan sedikit masa untuk membantu saya melengkapkan tesis ini.

KENCHANA WATI MOHD YUSOF

87145491

## SINOPSIS

Selain dari memenuhi syarat diploma, tesis ini adalah bertujuan untuk mengkaji pakaian dan kelengkapan pakaian rockers samada di pentas atau secara kasual. Kajian juga dilakukan untuk mengetahui mengapa mereka berpakaian sedemikian dan siapakah yang mempengaruhi stail pakaian mereka.

Kajian dijalankan dengan mengadakan sesi temuramah dengan rockers, memerhati dan turut serta dalam aktiviti mereka seperti ke konsert dan melepak hingga terbit matahari di Dataran Merdeka. Pertanyaan juga di tujukan kepada artis rock tentang pendapat mereka mengenai pakaian.

Apa yang didapati adalah berdasarkan maklumat dari rockers dan kutipan serta perbandingan dari majalah somasa. Gambar serta sisipan adalah bahan rujukan untuk memperlihatkan contoh perbandingan.

Kesimpulan yang didapati menunjukkan kehendak rockers pada kehidupan dengan cara dan pilihan mereka sendiri. Mereka tetap ingat pada adat dan kepercayaan, tapi dalam cara pilihan mereka sendiri.

## APA ITU MUZIK ROCK?

Muzik rock berasal dari Amerika Syarikat dan Great Britain.

Irama ini bermula pada lingkungan tahun 1954, hasil gabungan muzik black rhythm and blues dan white romantic crooning.<sup>1</sup> Muzik ini secara amnya dikenali sebagai muzik rock and roll. Pelopor muzik rock and roll ketika itu adalah Bill Haley and The Comets, Elvis Presley, Eddie Cochran dan Frankie Avalon.<sup>2</sup> Yang nyata berbeza muzik rock and roll dengan muzik adalah dari segi rentak dan cara persembahannya. Ianya gabungan empat definisi.

1. Rock and roll menggunakan alatan irama khusus.
2. Lirik dan pemilihan bahasa terpilih dari jump blues, rhythm and blues, country dan kombinasi dari contoh tersebut.

Kebanyakan hasil ciptaan menggunakan pergerakan blues dan variasi darinya.

4. Asas persembahan adalah nyanyian secara menjerit yang berterusan oleh penyanyi dan mainan muzik yang berterusan oleh pemain muzik.<sup>3</sup>

Yang paling penting dalam definisi kualiti rock and roll

1. BROWN, Charles T. The Art Of Rock And Roll, New Jersey 1983, hal, 139.

2. ibid.

3. ibid., hal, 42